

Kajian Kepuasan Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (Psh) Terhadap Kursus Pendek Pemrosesan Makanan Di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka

Norfadzilah Mohamad
Kolej Komuniti Masjid Tanah
norfadzilahmohamad350601@gmail.com

Hasnurul Nazimah Hashim
Kolej Komuniti Masjid Tanah
hasnurul7701@gmail.com

Nor Lizam Rajulan
Kolej Komuniti Masjid Tanah
bayulandscape@yahoo.com.my

Abstract

Lifelong Learning Course (PSH) is an educational democratization process that includes the formal or informal acquisition of knowledge, skills and competency based on experience and workplace training program. The program also provides a foundation for re-learning and life improvement. The purpose of this study is to identify the life-long learning courses participants' level of satisfaction for the food processing courses that they have attended at Community College of Masjid Tanah Melaka. The instrument used is a set of questionnaire issued by the Community College Education Department and distributed among the short course participants. The data were collected from participants for the food processing short course from June to December 2016, consisted of 143 respondents. The data were analyzed by using Statistical Package for Social Science Software version 21.0 (SPSS). The analysis focused on the mean score and t-test. The findings of the study shows that the satisfaction level towards the food processing short course was at a high interpretation level with a mean score of 4.74. Whereas, the level of satisfaction of the participants to the instructors is high with a mean score of 4.59. In terms of gender differences, the level of satisfaction of the participants showed a significant level of $p = 0.122$ where this significant level was greater than 0.05. Hence the results indicates that there is no significant differences between the levels of satisfaction of the participants by gender. In addition, the findings of this study can be used as a step in improving and enhancing the quality of the implementation of short courses at Community College Masjid Tanah.

Keywords: Lifelong Learning, Customer Satisfaction, Course Participant.

Abstrak

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi samada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja. Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) menyediakan asas untuk pembelajaran semula dan kebaikan sepanjang hayat. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan peserta kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka dan fokus kajian adalah pada kursus-kursus pemrosesan makanan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik kepuasan peserta kursus pendek yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Data diambil daripada populasi peserta kursus pendek pemrosesan makanan dari Jun hingga Disember 2016 seramai 143 orang. Analisis data menggunakan *statistical package for Social Science Software version 21.0* (SPSS) untuk mendapatkankor min dan Ujian t. Hasil dapatan kajian, tahap kepuasan terhadap kursus pendek pemrosesan makanan berada pada tahap interpretasi tinggi dengan skor min 4.74. Manakala tahap kepuasan

peserta terhadap tenaga pengajar kursus adalah tinggi dengan skor min 4.59. Bagi aspek perbezaan jantina tahap kepuasan peserta menunjukkan tahap signifikan $p = 0.122$ dimana tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kepuasan peserta kursus berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai langkah penambahbaikan dan meningkatkan lagi mutu pelaksanaan kursus pendek di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

Kata kunci: Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kepuasan Pelanggan, Peserta Kursus.

1.0 Pengenalan

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu proses pendidikan yang dilaksanakan secara berterusan. Perkembangan pendidikan negara yang sentiasa ditambah baik menjadi kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara.

"Negara kita bergerak daripada pendidikan berorientasikan peperiksaan kepada pembelajaran sepanjang hayat untuk mewujudkan sebuah negara yang seimbang dan holistik" (Mahdzir Khalid dlm. Mohd Azrone, 2017).

Ini menunjukkan betapa pentingnya PSH dalam membangunkan sesebuah negara di alaf baru ini. Antara kumpulan sasaran utama PSH ialah golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberikan sumbangan kepada Negara, menambah baik diri dan mempelbagaikan kemahiran. Menurut Knassel, Meed and Rossetti (2000), kepentingan PSH ini dapat dikenalpasti menerusi tiga (3) sebab utama yang dikenali juga sebagai "*The Three Es*" iaitu *employment* (pekerjaan), *empowerment* (memberikuasa) dan *enjoyment* (keseronokan). Maka tidak hairanlah PSH semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama bagi mereka yang ingin meningkatkan taraf hidup dan memperoleh ilmu kemahiran.

Terdapat banyak institut pengajian tinggi seperti kolej komuniti, universiti, institusi pendidikan jarak jauh termasuklah politeknik telah menawarkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk kepentingan masyarakat. Menurut Pelan Induk PSH Peringkat Nasional, (2010-2020), Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan tonggak ke 3 selepas pendidikan peringkat sekolah dan peringkat tertiary (KPT 2007). Ia memberikan peluang kedua kepada penduduk bekerja dan mereka yang dahulunya terlepas peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi bagi meningkatkan tahap pendidikan mereka.

Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) yang dulunya dikenali sebagai Kolej Komuniti Alor Gajah adalah merupakan salah satu Kolej Komuniti yang terdapat di Malaysia. Kolej Komuniti merupakan satu sistem pendidikan tinggi di Malaysia di bawah pengurusan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Kolej Komuniti Masjid Tanah menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat di dalam pelbagai bidang seperti bidang masakan, bidang jahitan, bidang komputer, bidang teknikal dan pelbagai lagi. Program-program yang ditawarkan terbuka kepada semua golongan samada pelajar, bekerja sendiri, surirumah dan lain-lain. Menurut

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mary Yap Kain Ching, kewujudan Kolej Komuniti di seluruh negara berjaya melahirkan tenaga kerja separa mahir yang sangat diperlukan dalam pembangunan negara. (Bernama, 2015).

Antara tujuan pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat di kolej komuniti adalah untuk:

- a) Memberikan pendidikan dan latihan kepada semua lapisan masyarakat setempat untuk meningkatkan kualiti hidup.
- b) Memberikan latihan kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan mutu kerja.
- c) Memberi pendidikan sepanjang hayat kepada lapisan masyarakat yang berminat melalui program yang fleksibel dan mudah akses.

2.0 Penyataan Masalah

Kolej Komuniti merupakan satu institusi yang memberi peluang kepada komuniti setempat untuk menambah pengetahuan dan kemahiran seiring dengan cabaran global pada masa kini. Oleh yang demikian, perkara ini telah diambil serius oleh pihak kolej komuniti dan Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK) bagi memastikan tahap sambutan setiap kursus dan keberkesanan kursus yang telah dijalankan itu memenuhi keperluan dan dapat diaplikasikan dalam bidang pekerjaan atau kehidupan peserta kursus (JPKK 2012). Ini penting kerana setiap tahun kerajaan telah memperuntukkan sebahagian besar kepada pendidikan dalam bajet tahunan Kerajaan Malaysia. Hak pendidikan sepatutnya dinikmati oleh semua warga negara Malaysia tanpa mengira umur atau kaum. Malah kajian oleh Ramlan et al. (2008) menyatakan masih wujud kumpulan masyarakat yang tidak berpeluang mengikuti pembelajaran formal diperingkat kanak-kanak dan remaja disebabkan oleh faktor penjajahan, kemiskinan dan persekitaran yang jauh dari pembangunan. Justeru, PSH menjadi jawapan kepada kumpulan masyarakat ini untuk menikmati pendidikan dalam suasana yang formal. Menurut kajian Sapiyah et al. (2013), bahawa cabaran utama ialah bagaimana untuk membudayakan PSH dalam komuniti setempat dan juga warga KKLJ itu sendiri. Seterusnya cabaran yang dihadapi oleh JPSH adalah menggembleng tenaga dan usaha memantapkan pelaksanaan PSH di peringkat kolej serta menggalakkan lebih ramai orang awam menyertai PSH iaitu dengan mempertingkatkan promosi. Menurut Syahrir et al. (2011), masalah pelaksanaan kursus pendek ini juga sangat diambil berat oleh pengurusan kolej komuniti bagi memastikan mutu perkhidmatan PSH sentiasa mampu ditingkatkan (JPKK 2011). Ini kerana PSH perlu disediakan dan dijalankan dengan penuh berkualiti dan berkesan kepada semua lapisan masyarakat yang menjadi pelanggan kepada sesuatu kolej komuniti.

Maka, adalah penting bagi pihak kolej komuniti untuk mendapatkan maklum balas daripada peserta kursus sebagai salah satu langkah penambahbaikan. Ini secara tidak langsung akan dapat membantu pihak kolej komuniti meningkatkan mutu kursus pendek yang

ditawarkan kepada komuniti setempat. Menurut Mason dan Bruning (2001) dan Mory (1996) maklum balas dikatakan berkesan atau efektif sekiranya ia dapat:

- a) Membantu pelajar mengenal pasti kekurangan, salah tanggapan dan membentuk semula pengetahuan mereka.
- b) Membantu pelajar menentukan jangkaan pencapaian, mengenalpasti apa yang mereka pelajari dan apa yang mampu mereka lakukan serta memantau perkembangan pembelajaran mereka secara peribadi.
- c) Menyokong ke arah sasaran pencapaian atau matlamat yang hendak mereka capai.

Justeru itu secara tegasnya, satu kajian untuk mengenal pasti masalah dan cabaran dalam pengurusan JPSH perlu dilakukan bagi mengelakkan permasalahan berulang kembali.

3.0 Objektif

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kepuasan peserta kursus terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah.
- ii. Melihat perbezaan tahap kepuasan peserta kursus terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah berdasarkan jantina.
- iii. Mengenalpasti tahap kepuasan peserta kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah terhadap tenaga pengajar kursus.
- iv. Mengenalpasti cadangan penambahbaikan kursus pendek pemprosesan makanan dari perspektif peserta kursus.

4.0 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap kepuasan peserta kursus terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah?
- ii. Apakah perbezaan tahap kepuasan peserta kursus terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah berdasarkan jantina?
- iii. Apakah tahap kepuasan peserta kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah terhadap tenaga pengajar kursus?
- iv. Apakah cadangan penambahbaikan kursus pendek pemprosesan makanan dari perspektif peserta kursus?

5.0 Kajian Literatur

Semasa era ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, negara amat memerlukan modal insan yang berilmu pengetahuan. Justeru, daripada petikan ucapan Naib Canselor UPM dimajlis Penyampaian Anugerah Cemerlang antara lain menyebut:

“Ilmu dan teknologi yang dimiliki pada hari ini akan ketinggalan dan lapuk pada masa hadapan. Oleh yang demikian kita perlu mengemaskini ilmu pengetahuan agar selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat supaya menjadi manusia yang relevan kepada pembangunan dan kemajuan negara” (Mohd. Zohadie, 2002)

Pembelajaran sepanjang hayat telah memperkenalkan bidang objektif yang luas dan didefinisikan seperti berikut, “semua aktiviti pembelajaran yang diikuti adalah bertujuan untuk menambah pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan tahap kecekapan setiap orang, atau perspektif yang ada hubungan dengan pekerjaan” (European Commission, 2001).

Perubahan pengetahuan ekonomi secara global, teknologi yang pantas dan maju, perubahan persekitaran tempat kerja dan persaingan yang sengit dalam sektor pekerjaan menyebabkan pembelajaran sepanjang hayat perlu diperkasakan dan dilaksanakan tanpa mengira jantina, usia, pekerjaan, dan bidang yang diceburi. Pembelajaran sepanjang hayat ialah pembelajaran yang berterusan sejak dari lahir sehingga ke liang lahad, sama ada secara formal atau tidak formal, sedar atau tidak, secara berkumpulan atau individu. Perkara yang baru dan berbeza dihadapi setiap hari dan ianya selalunya memerlukan proses pembelajaran menghadapinya. (Michael D. dan Diane R., 2008).

Perubahan pengetahuan berasaskan ekonomi secara global, kualiti adalah perkara paling berharga dalam menghadapi era globalisasi. Ini adalah kerana PSH atau latihan dan pembangunan mempunyai hubungan yang signifikan dalam meningkatkan kualiti pekerja tanpa mengira bidang atau lapangan yang diceburi. Arus globalisasi yang melanda turut menyebabkan persekitaran tempat kerja turut berubah yang menuntut setiap pekerja meningkatkan prestasi melalui pembelajaran di tempat kerjasamaada untuk meningkatkan kemahiran, pencapaian, atau menghadapi perubahan situasi tempat kerja yang moden. Pembelajaran sepanjang hayat menjadi semakin penting di Malaysia kerana tekanan daripada ledakan globalisasi, perubahan teknologi yang pantas dan pertumbuhan penduduk di Malaysia (Mohamed Rashid Navi Bax dan Mohd Nasir Abu Hassan, 2005).

6.0 Metodologi Kajian

6.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dimana kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan satu (1) borang penilaian kursus yang diperolehi dari Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK). Borang soal selidik ini telah diguna pakai di semua Unit Pembelajaran Berterusan (UPB), Kolej Komuniti Malaysia. Borang penilaian kursus dibahagikan kepada 3 penilaian iaitu:

Bahagian A: Pelaksanaan Kursus

Bahagian B: Keberkesanan Kursus

Bahagian C: Cadangan dan Komen

6.2 Populasi

Populasi kajian ini ialah komuniti setempat yang menyertai kursus pendek pemprosesan makanan yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka. Bilangan kajian ini adalah seramai 143 orang peserta kursus pendek pemprosesan makanan dari Jun hingga Disember 2016.

6.3 Instrumen Kajian

Alat ukuran yang digunakan adalah satu set borang soal selidik yang digunapakai oleh semua Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (JPSH) Kolej Komuniti di Malaysia terdiri daripada biodata responden, tahap pelaksanaan kursus dan tahap keberkesanan kursus.

6.4 Pengumpulan Dan Analisis Data

Data dikumpul melalui soalselidik yang diberi kepada populasi peserta kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah dari Jun hingga Disember 2016 seramai 143 orang. Data telah dianalisis dengan menggunakan *statistical package for Social Science Software version 21.0 (SPSS)*. Kajian ini telah menggunakan interpretasi skor min yang telah dirumuskan oleh Nunnally & Bernstein (1994) bagi menjawab persoalan kajian tahap kepuasan peserta terhadap kursus pemprosesan makanan di KKMT dan tahap kepuasan peserta kursus terhadap tenaga pengajar seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Bagi persoalan keempat, data dianalisis dengan menggunakan analisis tema (*thematic analysis*). Ia adalah analisis untuk data kualitatif, ini kerana persoalan yang keempat adalah berdasarkan cadangan daripada peserta kajian. Cadangan ataupun komen yang telah diberi oleh peserta, diambil sebagai satu langkah penambahbaikan yang boleh digunapakai di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

7.0 Keputusan Dan Perbincangan

Keputusan diproses dengan menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan hasil dapatan min dan ujian t. Min kepuasan peserta kursus pemprosesan makanan ialah 4.74 manakala bagi tenaga pengajar ialah 4.59. Berdasarkan keputusan ujian t, tiada terdapat perbezaan jantina dalam kepuasan hati kursus diantara lelaki dan perempuan.

Apakah tahap kepuasan peserta kursus terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah.

Jadual 2: Tahap Kepuasan Peserta Kursus Terhadap Kursus Pendek Pemprosesan Makanan

Program	N	Min	Interpretasi
Tempat kursus bersesuaian	143	4.88	Tinggi
Masa dan tempoh kursus difahami	143	4.58	Tinggi
Membantu meningkatkan kerjaya	143	4.68	Tinggi
Membantu memulakan perniagaan	143	4.93	Tinggi
Membantu mengembangkan perniagaan	143	4.63	Tinggi
Keseluruhan item		4.74	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan analisis tahap kepuasan peserta kursus pendek pemprosesan makanan dengan kursus yang telah mereka sertai. Merujuk jadual interpretasi skor min (Nunnally & Bernstein, 1994) nilai min yang diperolehi adalah tinggi dengan nilai mata 4.74. Ini menunjukkan peserta kursus pendek pemprosesan makanan sangat berpuas hati dengan kursus yang telah mereka sertai.

Apakah tahap kepuasan peserta kursus terhadap kursus pendek pemprosesan makanan di KKMT berdasarkan jantina.

Jadual 3: Tahap Kepuasan Peserta Kursus Berdasarkan Jantina

Item	Jantina	N	Tahap Signifikan	Nilai t	Sisihan Piawai
Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	Lelaki	53			.510
	Perempuan	90	.122	.920	.598
Cara	Lelaki	53			.535

penyampaian menarik	Perempuan	90	1.0	-0.276	.555
Kandungan kursus	Lelaki	53			.575
teratur	Perempuan	90	.519	.544	.567
Kandungan kursus	Lelaki	53			.662
menarik	Perempuan	90	.638	-0.677	.666
Penyampaian jelas dan difahami	Lelaki	53			.601
Masa dan tempoh kursus	Perempuan	90	.700	.064	.480
mencukupi	Lelaki	53			.586
	Perempuan	90	.801	.050	.544

Hasil dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan kepuasan antara peserta lelaki dan peserta perempuan.

Berdasarkan Jadual 3 didapati nilai-t bagi perbezaan kepuasan peserta kursus lelaki dan perempuan bagi item penyampaian isi kandungan mencapai objektif ialah $t=0.920$ dan tahap signifikan $p=0.122$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada $0.05(p>0.05)$. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peserta kursus. (Crosswell, 1994).

Tahap signifikan $P = .765$ bagi item membantu meningkatkan kerjaya peserta membuktikan bahawa kursus pemprosesan makanan ini telah membantu dalam meningkatkan kerjaya peserta.

Apakah tahap kepuasan peserta kursus pendek pemprosesan makanan di Kolej Komuniti Masjid Tanah terhadap tenaga pengajar kursus.

Jadual 4: Tahap Kepuasan Peserta Kursus Terhadap Tenaga Pengajar Kursus

Program	N	Min	Interpretasi
Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	143	4.53	Tinggi
Cara penyampaian menarik	143	4.50	Tinggi
Kandungan kursus teratur	143	4.58	Tinggi
Penyampaian jelas dan difahami	143	4.64	Tinggi
Pengetahuan dalam bidang kursus	143	4.66	Tinggi
Kemahiran dalam bidang kursus	143	4.59	Tinggi
Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	143	4.64	Tinggi
Keseluruhan item		4.59	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan analisis tahap kepuasan peserta kursus pendek pemprosesan makanan terhadap tenaga pengajar kursus yang telah mereka sertai. Merujuk jadual interpretasi skor min (Nunnally & Bernstein, 1994) nilai min yang diperolehi adalah tinggi dengan nilai

mata 4.59. Ini menunjukkan peserta kursus pendek pemprosesan makanan sangat berpuas hati dengan penceramah kursus bagi kursus yang telah mereka sertai.

Cadangan penambahbaikan kursus pendek pemprosesan makanan dari perspektif peserta kursus.

Kebanyakan peserta kursus mencadangkan agar kolej komuniti mempelbagaikan lagi kursus-kursus pemprosesan makanan seperti kursus pemprosesan kicap, pemprosesan sos dan pemprosesan cendol. Ini kerana kursus-kursus ini mempunyai nilai tambah ekonomi yang tinggi untuk peserta samaada untuk dijadikan perniagaan atau untuk kegunaan sendiri. Kebanyakan peserta ingin mencari sumber atau kaedah lain bagi meningkatkan pendapatan keluarga mereka demi kelangsungan hidup yang lebih baik. Malah Mohd Taib (2005) menegaskan keluarga yang mempunyai tingkat ekonomi yang baik mampu menjadi keluarga yang sejahtera dan boleh bertukar sebaliknya jika ekonomi keluarga tidak baik.

Peserta-peserta kursus mencadangkan agar kursus pemprosesan kicap dapat dilaksanakan dari awal proses iaitu dari proses kacang soya diperam dengan ragi sehinggalah terhasilnya kicap. Pemprosesan sos juga mendapat permintaan yang tinggi dari peserta khususnya dari usahawan burger. Ini merupakan satu peluang keemasan yang tidak patut dilepaskan demi kebaikan komuniti dan ruang untuk kolej komuniti melebarkan sayapnya dalam pelaksanaan kursus pendek dalam kalangan masyarakat setempat.

8.0 Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya beberapa rumusan boleh didapati dari kajian ini:

- i. Peserta kursus pendek pemprosesan makanan sangat berpuas hati dengan kursus yang telah mereka sertai. Ini kerana, kursus-kursus pemprosesan makanan ini telah dilaksanakan di bilik masakan Kolej Komuniti Masjid Tanah yang mempunyai kemudahan yang selesa dan mencukupi. Selain itu, ilmu yang telah peserta perolehi mencukupi untuk membantu peserta dalam meningkatkan kerjaya dan mengembangkan perniagaan.
- ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peserta kursus lelaki dan peserta kursus perempuan terhadap kursus pemprosesan makanan. Rata-rata peserta menyatakan bahawa cara penyampaian sangat menarik malah isi kandungan kursus telah mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, peserta juga sangat berpuas hari dengan kursus pendek di Kolej Komuniti Masjid Tanah kerana Kolej Komuniti Masjid Tanah telah menyediakan fasiliti yang bersesuaian, tempat yang selesa dan telah memastikan semua tenaga pengajar mempunyai kepakaran di dalam bidang yang diceburi.

- iii. Peserta kursus sangat berpuas hati dengan penceramah kursus yang telah mereka sertai. Peserta kursus menyatakan bahawa cara penyampaian penceramah sangat jelas dan mudah difahami. Peserta juga menyatakan penceramah yang terlibat juga mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang yang diceburi.
- iv. Peserta kursus berharap terdapat kursus pemprosesan makanan yang lain seperti kursus pembuatan kicap, pembuatan sos dan pembuatan cendol. Selain itu, peserta juga berminat dengan kursus-kursus dalam bidang masakan yang lain seperti penghasilan kek, pastri dan roti.

Kajian ini telah membuktikan bahawa kursus pemprosesan makanan yang telah dijalankan di Kolej Komuniti Masjid Tanah telah memberi kepuasan kepada peserta disamping membantu meningkatkan kerjaya peserta. Kolej Komuniti Masjid Tanah telah menyediakan tempat kursus yang selesa dan dilengkapi dengan segala kemudahan. Selain itu, tenaga pengajarnya juga mempunyai kemahiran yang setanding tenaga pengajar lain.

Rujukan

Ahmad Rosli. (2009). Keselarasan Personaliti kerjaya dengan Program Pengajian Pelajardi Politeknik Kota Melaka. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.

Bername, (2015). “Kolej Komuniti Berjaya Lahir Tenaga Separa Mahir” Sinar Online ditalian <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kolej-komuniti-berjaya-lahir-tenaga-separa-mahir-1.441289>. Dicapai pada 6 jun 2017

Berita Harian. (2007). “Pendidikan Sepanjang Hayat Bina Sahsia Diri”, 16 Mei 2007.

Creswell, J.W. (1994). *“Research Design Quantitative and Qualitative Approach, London: Sage Publication”*.

JPKK (2011) *Buku Panduan Pelaksanaan PSH Edisi 2012 dan Laporan pemantauan Keserakanan Program Latihan 1Malaysia*. Putrajaya: KPT.

JPKK (2012). *Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015*. Putrajaya: PNMB.

Knassel, E., Meed, J. & Rosetti, A. (2000). *Learn for Your Life: A Blueprint for Continuous Learning*. Financial Times, London: Prentice Hall, Pearson Education.

KPT (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Melangkau Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Mason, J. & Bruning, R. (2001). *Providing Feedback in Computer based Instruction. What The Research Tell Us*. <http://dwb.unl.edu/Edit/MasonBruning.html>. 1hb Jan 2007.

Mohamed Rashid Navi Bax dan Mohd Nasir Abu Hassan. (2003). *“Lifelong Learning in Malaysia”*. *International Policy Seminar Co-organised by IIEP, UNESCO and KRIVET*

Mohd Azrone Sarabatin, (2017). “Pendidikan bukan peperiksaan semata-mata – Mahdzir”. <https://www.bharian.com.my/node/282858>. Dicapai pada 6 Jun 2017

Mohd Taib Hj. Dora (2005). “Faktor Keluarga Bermasalah di Malaysia dan Strategi Mengatasinya.” *Liberalisasi Komuniti*. Melaka: Penerbit Universiti KUTKM.

Mory, E.H. (1996). *Feedback research*. In D.H. Jonassen (Ed.), *Handbook of Research for Educational Communications and Technology*, 919-956. New York: Simon & Schuster.

Nunnally, J.C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd Ed.). New York: McGraw-Hill.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2010). *Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Peringkat Nasional 2011-2020*. Portal Rasmi Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Ramlee Mustapha dan Abu Abdullah. (2001). "*Malaysia Transitions Toward a Knowledge-Based Economy*". *The Journal of Technology Studies*

Sidek Mohd Noah . (2002). *Perkembangan Kerjaya : Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit UPM.

Syahrir Aris, Noorsafuan Che Noh & Amier Hafizun Ab Rashid. (2011). *Pelaksanaan Kursus Pendek, Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Ledang: Penelitian Terhadap Masalah*. Anita Supramaniam, Khulia Abd Samat & Hanirah Mohamad Nur. *Prosiding Seminar Pengajian Kolej Komuniti Peringkat Kebangsaan*. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Pasir Gudang: Kolej Komuniti Pasir Gudang

Zuraidah Abdullah, (2009). *Pembentukan Komuniti Pembelajaran Profesional: Kajian Terhadap Sekolah Menengah di Malaysia*. *Jurnal Management Pendidikan*, 5(2), 78-96.